

# PM terima seorang lagi penasihat khas bidang kesihatan

BH - 3/12/2021 m/s: 14

**Perdana Menteri**, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, akan menerima seorang lagi Penasihat Khas yang bertanggungjawab menasihati beliau dalam bidang kesihatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, berkata Penasihat Khas itu kini sedang dalam proses lantikan.

Katanya, buat masa ini Perdana Menteri mempunyai tiga Penasihat Khas iaitu bagi undang-undang dan hak asasi manusia, agama dan kesihatan.

“Penasihat yang dilantik ini dalam kalangan mereka yang mempunyai jaringan hubungan, pengalaman dan kepakaran dalam hal berkaitan dengan skop tugas masing-masing yang boleh memberi faedah kepada usaha pembangu-

nan negara, selari dengan konsep Keluarga Malaysia,” katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan Datuk Amiruddin Hamzah (PEJUANG-Kubang Pasu) yang bertanya jumlah Penasihat Khas Perdana Menteri yang dilantik dan bidang mereka serta implikasi kewangan bagi setiap lantikan dan keputusan penting yang dibuat hasil daripada nasihat diberikan.

Dr Abdul Latiff berkata, anggaran kos bulanan keseluruhan bagi setiap satu pejabat Penasihat Khas yang dilantik, termasuk kos pegawai di pejabat itu adalah RM50,000.

“Kos ini termasuk bayaran gaji dan emolumen Penasihat Khas serta pegawai yang dilantik bagi menguruskan hal ehwal dasar dan operasi di pejabat itu,” katanya.